

Contoh MPSAS 23

MITI telah diberikan satu aplikasi bagi membantu kerja-kerja pemantauan MITI semasa tempoh pandemik ini. Cadangan pemberian aplikasi itu telah diumumkan pada 12 Jun 2021 dan aplikasi itu telah diserahkan kepada MITI pada 22 Jun 2021.

Apakah perlu unit kewangan lakukan bagi peristiwa di atas?

Tindakan perlu dibuat :

1. Pengiktirafan dan pengukuran aset ke dalam buku MITI

a. Tarikh aset ditukar milik : 22 Jun 2021 (**Nilai saksama : NS**)

b. RM0.8 juta

Butiran		Debit	Kredit
Aset		RM0.8 juta	
	Hasil Bukan Pertukaran (NS)		RM0.8 juta

(*) Nilai Saksama : Hantar bbrp nota untuk dapatkan sebutharga (10 vendor)

Hasil dapatan : 3 vendor

A : RM0.5 juta

B : RM0.9 juta

C : RM 1.5 juta

Next : *Get more* sebutharga dapatkan mod pricing

D : RM0.85 juta

E : RM0.8 juta

Kalau ada sitaan atau rampasan aset atau barangan

Hanya boleh diperakaunkan apabila telah mendapatkan kelulusan daripada mahkamah.

Rampasan kenderaan pada 5.5.2020 dan mahkamah telah melucuthak empunya kenderaan pada 1.8.2020

Transaksi pada **1.8.2020** pada nilai saksama

Butiran		Debit	Kredit
Aset		RM10,000	
	Hasil Bukan Pertukaran (NS)		RM10,000

Contoh Bersyarat dan Sekatan

Agensi A menerima geran dari Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan penyelidikan terhadap vaksin COVID 19. Berikut adalah pemerincian geran tersebut:-

I. Peruntukan sebanyak RM10 juta untuk peroleh alat dan perkakasan untuk proses penyelidikan dan kos-kos penyelidikan yang lain (Bersyarat/Sekatan)

II. Peruntukan RM3 juta untuk pembayaran gaji Agensi A yang terlibat dalam penyelidikan tersebut dan sekiranya tidak mencukupi Agensi boleh menggunakan peruntukan RM10 juta di atas dengan syarat siling pada **RM1 juta** (Sekatan)

Butiran		Debit	Kredit
Bank		RM13 juta	
	Hasil Bukan Pertukaran (NS)		RM3 juta
	Hasil Terdahulu (L)		RM10 juta

Aset dan kos penyelidikan sebanyak RM7.3 juta digunakan dalam projek penyelidikan tersebut dan gaji Tahun 2021 dianggarkan sebanyak RM4.2 juta

Butiran		Debit	Kredit
Gaji		RM4.2 juta	
	Bank		RM4.2 juta

Butiran		Debit	Kredit
Hasil Belum Terperoleh		RM1 juta	
	HBP		RM1 juta

Butiran		Debit	Kredit
Aset/Belanja		RM7.3 juta	
	Bank		RM7.3 juta

Butiran		Debit	Kredit
Hasil Belum Terperoleh		RM7.3 juta	
	HBP		RM7.3 juta

Bayar Balik Baki RM1.7 juta

Butiran		Debit	Kredit
Hasil Belum Terperoleh		RM1.7 juta	
	Bank		RM1.7 juta

KAJIAN KES 2

Jabatan C merupakan Pusat Latihan yang terletak di Pulau Matakang bagi tujuan menyediakan latihan kepada penjawat awam khususnya dalam pelaksanaan Perakaunan Akruan mulai Tahun 2020. Anda selaku pegawai kewangan yang bertanggungjawab dalam perakaunan hasil diminta untuk menyelesaikan teguran-teguran audit dalam yang telah dibangkitkan susulan pengauditan pra pelaksanaan Perakaunan Akruan mulai Tahun 2020.

- i) Sumbangan Peralatan Sukan daripada Pusat Gym Sado King dengan nilai kos RM75,000 (**Harga pasaran :RM35,380**) telah diterima pada 15 Jun 2020 untuk melengkapkan Pusat Gimnasium Jabatan C.

Butiran		Debit	Kredit
Aset		RM35,380	
	HBP		RM35,380

- ii) Geran tahunan berjumlah RM200,000 untuk membangunkan modul latihan yang terkini telah diterima pada awal tahun daripada Kerajaan Persekutuan.

Butiran		Debit	Kredit
Bank		RM200,000	
	HBP		RM200,000

- iii) Kutipan bayaran balik gaji terlebih bayar staf pada Tahun 2019 berjumlah RM288 dan Januari 2020 berjumlah RM105 masing-masing telah dikutip pada 3 Mei 2020.

Butiran		Debit	Kredit
Bank		RM393	
	HBP		RM288
	Vot		RM105

- iv) Simpanan Tetap berjumlah RM200,000 yang telah diletakkan mulai 26 September 2020 dengan kadar faedah 5% setahun di Bank Pertanian.

Faedah = RM200,000 @ 5% @ 97/365 = RM2,658

Butiran		Debit	Kredit
Faedah Terakru		RM2,653	
	Hasil Pertukaran		RM2,653

- v) Maklumat Jumlah Penyata Pemungut – Kutipan Yuran Kursus yang dikutip

Bulan	Jumlah (RM)
Januari – Mac	33,330
April – Jun	26,990
Julai – September	41,500
Oktober - Disember	47,690 + 60
Jumlah	149,510

Yuran : RM149,570

- vi) Maklumat Jumlah Penyata Pemungut – Sewaan Dewan dan Gelanggang yang diperoleh

Bulan	Jumlah (RM)
Januari – Mac	18,350 - 2,350
April – Jun	10,525
Julai – September	15,384
Oktober - Disember	25,126 + 245
Jumlah	69,385

Sewaan : RM67,280

Nota Tambahan :-

- a) Sewa Sukuan pertama yang diterima termasuk sewaan Disember 2019 yang berjumlah RM2,350.
- b) Maklumat Akaun Belum Terima pada 31.12.2020 adalah seperti berikut:-

Butiran	Jumlah (RM)
Yuran Kursus	60
Sewaan Gelanggang	245
Sewaan Dewan	1,750

- c) Tempahan Dewan untuk melangsungkan perkahwinan anak kepada kakitangan Jabatan Perhutanan dengan kadar RM3,000 yang akan diadakan pada 2 Januari 2021 telah disahkan tempahan dengan bayaran deposit sebanyak RM500 telah dibuat pada 28 Disember 2020.

Butiran		Debit	Kredit
Bank		RM3,000	
	Deposit		RM3,000

- d) Satu bayaran kompaun terhadap pelanggaran syarat sewaan dewan yang dikeluarkan pada 5 Julai 2020 berjumlah RM300 telah diterima pada 4 Januari 2021 setelah pertikaian telah selesai.

Anda dikehendaki mengira jumlah hasil yang sebenarnya perlu dipersembahkan dalam Laporan Kewangan Jabatan C mengikut pengelasan Hasil MPSAS 9 dan MPSAS 23 bagi tempoh berakhir 31 Disember 2020.

Penyata Prestasi Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020	
HASIL	(RM)
Hasil Pertukaran (Nota A)	219,503
Hasil Bukan Pertukan (Nota B)	235,688

NOTA (A)

Hasil Pertukaran		
Penyediaan Perkhidmatan	149,570	
Penjualan Barangan	0	
Faedah, Royalti, Sewa & Dividen	69,933	
<i>(Faedah + Sewa)</i>		<u>219,503</u>

NOTA (B)

Hasil Bukan Pertukaran		
Sumbangan Aset	35,380	
Geran	200,000	
Bayaran Balik Gaji	288	<u>235,668</u>